

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR BERSEMPENA DENGAN  
PROGRAM WACANA SOSIAL 2007 – “UTAMAKAN KESIHATAN”  
PERINGKAT UniMAP PADA 10 MAC 2007 BERTEMPAT DI  
DEWAN KAPITOL, KANGAR, PERLIS.**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Syed Mohamed Aljunid Syed Junid,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff Timbalan Naib Canselor  
UniMAP (Akademik Dan Antarabangsa)

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal Timbalan Naib  
Canselor UniMAP (Penyelidikan Dan Inovasi).

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP

Dekan-Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP

Yang dihormati para jemputan yang hadir pada hari ini.

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT yang tidak putus-putus bermurah hati memanjangkan usia, mengurniakan kesempurnaan akal, menganugerahkan kesihatan jasad dan memberikan keupayaan hingga membolehkan kita semua sekali lagi berhimpun dan bertemu dalam Program Wacana Sosial 2007 bertemakan Utamakan Kesihatan peringkat UniMAP.

Terlebih dahulu, saya mewakili warga UniMAP ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tanda terima kasih yang tidak terhingga kepada penceramah jemputan kerana sudi hadir pada pagi ini. Tidak lupa juga kepada para peserta pameran yang meluangkan masa untuk turut serta mengadakan pameran bersempena dengan Program Wacana Sosial 2007 ini.

Jutaan terima kasih, syabas dan tahniah diucapkan kepada ahli jawatankuasa ini kerana telah bekerja keras dan bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran majlis pada hari ini. Pengorbanan dan usaha gigih anda semua amat saya hargai.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Objektif program ini ialah untuk memberikan kesedaran khususnya kepada para pelajar dan umumnya kepada warga UniMAP tentang bahaya dan bahana rokok dan dadah di samping menanam kesedaran sivik di kalangan para pelajar dan warga UniMAP supaya akan lahir graduan yang akan mengimbangi profesyen yang memenuhi tuntutan kesihatan dan sosial.

Program ini juga merupakan salah satu daripada Tujuh Program Wajib yang perlu dilalui oleh pelajar-pelajarnya sepanjang mereka belajar di UniMAP. Program ini bersifat pembangunan sahsiah kepada pelajar-pelajar di samping bertujuan untuk memberi nilai tambah kepada kualiti graduan yang bakal dilahirkan kelak. Justeru itu, Pusat pengajian yang telah diamanahkan untuk menjalankan Program Wacana Sosial pada kali ini adalah terdiri daripada Pusat Pengajian Sistem Elektrik, Pusat Pengajian Komputer dan Perhubungan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Program Wacana Sosial 2007 kali ini menonjolkan isu merokok dengan menjalankan kempen anti merokok secara besar-besaran di sekitar kampus.

Kempen tersebut tidak hanya disasarkan kepada pelajar semata-mata malah kepada seluruh warga UniMAP. Dengan memberi pendedahan dan kesedaran tentang bahaya rokok kepada kehidupan seseorang, program ini juga bakal membuka ruang kepada para pelajar khususnya dan warga kampus amnya untuk memantau tahap kesihatan masing-masing.

Isu berkaitan merokok yang menjurus kepada dadah juga diselitkan agar para pelajar dapat memikir dengan mendalam tentang bahaya pengaruh rokok sehingga membawa kepada kerosakan akal dan seterusnya menjadi permula kepada penyalahgunaan dadah. Dadah adalah tiket utama kepada keruntuhan akhlak dan moral seseorang individu yang seterusnya membawa kepada maut.

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada hari yang mulia ini berbanyak terima kasih saya ucapkan sekali lagi kepada semua yang memberikan komitmen yang jitu dalam menjayakan program ini sama ada kepada pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung. Saya pasti tanpa komitmen yang tinggi daripada semua pihak, program seperti ini tidak dapat dijayakan dengan lancar dan sempurna.

Akhir kata saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para jemputan kerana sudi meluangkan masa untuk menghadiri diri dan seterusnya merasmikan Program Wacana Sosial 2007 bertemakan Utamakan Kesihatan Peringkat UniMAP ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sebenarnya menyokong hasrat Universiti untuk mempertingkatkan lagi siri program wacana sosial yang boleh memberikan kebaikan bersama.

Saya sudah ucapkan ini dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.